



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1979**

---

**BAYARAN TUNGGAKAN GAJI BERSIH BAHARU BAGI  
PEGAWAI-PEGAWAI KONTREK DI NEGERI SABAH DAN  
SARAWAK**

**PINDAAN KEPADA PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN  
1978 DAN BIL. 2 TAHUN 1978**

**Keputusan Rujukan Bil. 3/78 oleh Tribunal Perkhidmatan Awam**  
Tribunal Perkhidmatan Awam telah mengambil keputusan dalam Kes Rujukan Bil. 3/78 bahawa kuatkuasa dan pembayaran tunggakan gaji di dalam penyelarasan kepada tanggagaji bersih baharu hendaklah meliputi dan termasuk tarikh 1-1-76 hingga 30-6-77 dalam keadaan seperti berikut:

- (a) seseorang pegawai kontrek itu masih berkhidmat pada 1-7-77;
- (b) perkhidmatan pegawai kontrek itu tidak terputus, walaupun kiranya lantikan berkenaan diperbaharui di antara dan termasuk tarikh 1-1-76 dan 30-6-77.

**Pindaan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/78 dan 2/78**

2. Untuk melaksanakan keputusan Tribunal Perkhidmatan Awam itu maka Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 dan Bil. 2 Tahun 1978 hendaklah dipinda dengan menggantikan perenggan 3.12 di dalam pekeling-pekeling yang tersebut dengan perenggan baru 3.12 yang berikut:

“3.12 Tanggagaji bagi pegawai kontrek boleh diselaraskan dengan tanggagaji bersih baharu yang ditetapkan bagi jawatan-jawatan di dalam perkhidmatan awam yang sama mengikut sifir pemindahan di Lampiran “B” dengan bayaran

tunggakan gaji tertakluk kepada perenggan 13.3 Pekeliling ini mulai dari 1-1-76 atau tarikh perlington jika selepas hingga 30-6-77 tertakluk kepada syarat :

- (a) pegawai kontrek itu masih berkhidmat pada 1-7-77; dan
- (b) perkhidmatan pegawai kontrek itu tidak terputus walaupun kiranya kontrek lantikan berkenaan diperbaharui di antara 1-1-76 dan 30-6-77."

#### **Tambahan kepada Tunggakan Gaji**

3. Dengan pindaan di atas tunggakan gaji yang telah dibayar kepada pegawai-pegawai kontrek di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978 bolehlah diselaraskan dengan bayaran perbezaan di antara tunggakan gaji yang mereka patut terima berdasarkan kepada keputusan baru itu dengan tunggakan gaji yang telahpun dibayar dahulu. Adalah diingati pindaan ini hanya melibati pegawai-pegawai kontrek yang memenuhi syarat seperti tersebut di dalam pindaan di atas tetapi tidak menerima tunggakan gaji bagi perkhidmatan di antara tarikh 1-1-76 atau tarikh selepasnya sehingga 30-6-77 mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1978 dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1978 sungguhpun mereka berada tanpa terputus dalam perkhidmatan pada tempoh tersebut itu.

4. Pegawai-pegawai kontrek yang telah dibayar tunggakan sepenuhnya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 dan 2 Tahun 1978 tidak terlibat dalam keputusan pindaan ini. Pindaan ini juga tidak melibatkan pegawai-pegawai kontrek yang telah tamat kontrek mereka dengan Kerajaan Malaysia dan telahpun menerima apa-apa faedah menurut surat perjanjian lantikan mereka masing-masing.

#### **Sijil Catitan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan**

5. Ketua-ketua Jabatan adalah dengan ini diminta menyampaikan dengan secepat mungkin kepada Suruhanjaya Perkhidmatan yang berkenaan satu senarai pegawai-pegawai kontrek yang memenuhi syarat seperti tersebut di perenggan 2 di atas untuk melaksanakan keputusan ini bagi mereka yang terlibat.

#### **Pembaharuan Kontrek: Pemutusan Tempoh Perkhidmatan**

6. Sehubungan dengan ini Ketua-ketua Jabatan hendaklah sentiasa menyemak dan mematuhi syarat-syarat yang terikat di dalam Surat Perjanjian lantikan pegawai kontrek supaya membezakan di antara tempoh kontrek yang dilanjutkan dengan tempoh perkhidmatan kontrek yang diperbaharui. Hanya lantikan kontrek yang dilanjutkan tempohnya, yang tidak mempunyai tempoh perkhidmatan yang terputus (a break in service).

#### **Pemakaian kepada Badan-badan Berkanun**

7. Peruntukan di dalam Pekeliling ini adalah juga dilanjutkan pemakaiannya kepada Badan-badan Berkanun di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak. Pindaan yang tersebut di perenggan 2 di atas adalah dilakukan kepada perenggan 3.8 di dalam Pekeliling

Perkhidmatan Perubahan Gaji dan Syarat-syarat Perkhidmatan bagi Pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun, 1978 bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak tertakluk kepada syarat perenggan "13.3" yang tersebut di dalam pindaan itu hendaklah dibaca "11.2 (b)" dan kuasa bagi meluluskan Sijil Catitan atau "Endorsement Certificate" yang perlu dibuat ialah oleh Pihak Pengurusan Badan Berkanun masing-masing.

**Am**

8. Sebarang kemusykilan yang timbul mengenai perkara ini hendaklah dikemukakan kepada Jabatan ini untuk pengesahan.

TAN SRI HASHIM BIN AMAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR

*21hb Februari, 1979*